



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“MEMANDU SECARA BERHEMAH: KESEMPURNAAN CIRI MUKMIN”

22 Disember 2023 / 9 Jamadil Akhir 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya; serta mengikhlaskan setiap amal. Semoga dipermudahkan perhitungan kita di Padang Mahsyar, diberatkan timbangan amal kebaikan serta dilimpahi rahmat Ilahi menjadi penghuni syurga. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

“MEMANDU SECARA BERHEMAH: KESEMPURNAAN CIRI MUKMIN”

Firman Allah SWT ayat 13 surah Al-Zukhruf:

﴿لَتَسْتَوْأَعْلَىٰ ظُهُورِهِمْ ثُمَّ تَذْكُرُونَ نِعْمَةَ رَبِّكُمْ إِذَا اسْتَوَيْتُمْ عَلَيْهِ وَتَقُولُوا سُبْحٰنَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هٰذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ ﴿١٣﴾﴾

Bermaksud: Supaya kamu duduk tetap di atas belakangnya kemudian kamu mengingati nikmat Tuhanmu apabila kamu telah duduk tetap di atasnya dan kamu (bersyukur dengan) mengucapkan “Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, padahal kami sebelumnya tidak mampu menguasainya”.

Memandu secara berhemah, bermaksud mengendalikan kenderaan dengan tatacara yang tertib dan selamat, dengan mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya,

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



di samping mengelakkan diri dan pengguna jalan raya lain daripada musibah kemalangan. Islam bukan sahaja menganjurkan ummah untuk mengendalikan kenderaan secara berhemah malah turut menganjurkan agar ummah memiliki kenderaan yang baik untuk kegunaan urusan harian begitu juga untuk melakukan ibadah, selaras dengan sabda Rasulullah SAW:

مِنْ سَعَادَةِ الْمَرْءِ الْمَسْكِنُ الْوَاسِعُ ، وَالْجَارُ الصَّالِحُ ، وَالْمَرْكَبُ الْهَيِّئُ

Bermaksud: Antara tanda kebahagiaan seseorang ialah (memiliki) rumah yang luas, jiran yang baik dan kenderaan yang baik.

(Hadis Riwayat Bukhari)

Jalan raya merupakan kemudahan awam yang diguna setiap hari oleh pelbagai pihak, merangkumi lori, bas, van, kereta, motosikal, basikal dan pejalan kaki. Pelbagai kemalangan yang menyebabkan kemusnahan harta dan mengorbankan nyawa berlaku di jalan raya. Saban tahun kemalangan jalan raya semakin meningkat. Rekod Polis Diraja Malaysia, menunjukkan, sepanjang tahun 2022, sebanyak 545,630 kes dilaporkan berlaku di seluruh negara; pada purata berlaku satu kematian setiap 90 minit. Di negeri Perak, 37,900 kemalangan jalan raya dilaporkan berlaku antara Januari sehingga November 2023, pada purata 117 kemalangan setiap hari, menyebabkan 447 kematian penunggang motosikal dan 189 kematian pemandu atau penumpang pelbagai kenderaan lain.

Antara punca berlaku kemalangan jalan raya ialah sikap terburu-buru ingin cepat sampai ke destinasi, sikap mementingkan diri sendiri, gagal mengawal emosi, memandu dalam keadaan mabuk, mengantuk atau kurang sihat, tiada tumpuan ketika memandu kerana menggunakan telefon, cuai dan leka, melebihi had laju, memotong di garisan berkembar, menyalah gunakan lorong kecemasan, tidak menjarakkan kenderaan dengan betul, tidak memasang tali pinggang keselamatan atau topi keledar, dan keadaan kenderaan yang tidak diselenggarakan dengan baik.

Lebih tidak bertanggungjawab ialah melakukan perbuatan-perbuatan berbahaya, seperti kegiatan lumba haram, membuli pengguna jalan raya, melakukan aksi ngeri, dan sifat mahu bermegah mempamerkan kehebatan kenderaan yang dimiliki. Perbuatan-perbuatan yang membahayakan nyawa dan keselamatan orang lain, sangat ditegah oleh agama.



Pelbagai perkara buruk boleh berlaku disebabkan ummah tidak mengamalkan pemanduan berhemah. Ramai pihak akan mengalami kesengsaraan dan penderitaan; apabila berlaku kerugian harta, kecacatan anggota, apatah lagi kehilangan nyawa akibat kemalangan jalan raya. Kehilangan nyawa orang tersayang, akan menyengsarakan hidup ramai insan; anak kehilangan ayah atau ibu tempat bergantung, ibu bapa kehilangan anak yang dikasihi, isteri kehilangan suami, begitu juga suami kehilangan isteri.

Hadirin yang dimuliakan

Syariat Islam amat mementingkan nilai nyawa manusia; salah satu dari *Maqasid Syariah* menekankan pentingnya memelihara nyawa (حِفْظُ النَّفْسِ). Nilai tinggi yang diletakkan pada nyawa terbukti apabila Islam menetapkan beberapa hukum dalam *Fiqh Jinayah* seperti bayaran denda (دِيَّةٌ) dan lain-lain yang bertujuan agar nyawa dilindungi, dijamin dan dipelihara.

Oleh itu, amalan mematuhi undang-undang jalan raya serta memandu secara berhemah merupakan usaha dan ikhtiar yang dituntut sebagai langkah melindungi nyawa, di samping melindungi diri dan pengguna jalan raya daripada dilanda musibah. Ummah yang istiqamah, menggunakan jalan raya secara berhemah, sebenarnya telah melakukan amalan soleh dan berjaya memenuhi maksud bertawakal.

Ummah wajib mengamalkan sifat sabar, bertimbang rasa dan bertolak ansur terhadap pengguna jalan raya lain. Hindari sifat terburu-buru sehingga mengabaikan keselamatan dan hak pengguna jalan raya. Ummah dianjurkan mengamalkan sifat lemah lembut dan bertenang ketika berada di jalan raya, selaras dengan hadis Rasulullah SAW:

إِنَّ فِيكَ خَصْلَتَيْنِ يُحِبُّهُمَا اللَّهُ الْحِلْمُ وَالْأَنَاةُ

Bermaksud: Sesungguhnya pada dirimu ada dua sifat yang Allah SWT menyukainya iaitu lemah lembut dan bertenang. (Hadis Riwayat Tirmizi)

Demi memastikan pemanduan berhemah diamalkan, mimbar menyenaraikan beberapa peringatan:

Pertama: Sebelum memandu, periksa dan pastikan kenderaan berada dalam keadaan selamat, dan telah diselenggarakan dengan baik berpandukan jadual yang ditetapkan.



Kedua: Mulakan pemanduan atau perjalanan dengan membaca doa seperti doa yang terkandung dalam ayat 13 dan 14 surah al-Zukhruf yang khatib bacakan pada awal khutbah:

...سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرْنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ ﴿١٣﴾ وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ ﴿١٤﴾

Ketiga: Digalakkan menunaikan solat sunat musafir dua rakaat sebelum memulakan perjalanan, agar perjalanan diberkati, dipermudahkan dan dilindungi oleh Allah SWT.

Keempat: Ketika memandu, lakukan kegiatan bermanfaat yang boleh mendekatkan diri kepada Illahi seperti mendengar bacaan al-Quran, mengulang hafalan al-Quran, berzikir, beristighfar dan berselawat.

Kelima: Memastikan diri mendapat tidur dan rehat yang secukupnya sebelum memandu terutama untuk perjalanan yang jauh.

Keenam: Mematuhi segala undang-undang dan peraturan jalan raya. Peka dan memberi tumpuan terhadap kawasan sekeliling seperti memperlahankan kenderaan ketika melalui kawasan sekolah, hospital, kawasan pejalan kaki melintas dan kawasan perumahan.

Mukminin Rahimakumullah

Memastikan keselamatan jalan raya merupakan tanggungjawab bersama. Menjadi suatu kelaziman bagi ummah membawa keluarga dan anak-anak bersiar-siar di tempat-tempat peranginan terutama semasa musim cuti. Lazimnya jalan raya akan lebih sesak pada waktu-waktu cuti sekolah dan cuti perayaan. Untuk itu, memandulah dengan cermat dan berhati-hati, ingatlah pesanan orang tua, ‘biar lambat asalkan selamat’, amalkan sikap saling hormat menghormati terhadap pengguna jalan raya, utamakan sifat sabar, ketepikan emosi agar sebarang masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan bijaksana dan berhemah. Sentiasalah mengingati bahawa musibah dan kehilangan nyawa boleh dihindari dengan mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya serta menjaga adab, akhlak dan kesopanan.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! jadikan kami antara hamba Mu yang mengamalkan sifat sabar, bertimbang rasa dan bertolak ansur ketika berada di jalan raya. Kurniai kami dan ahli keluarga kami keselamatan dan perlindungan daripada musibah kemalangan, bencana alam dan perkara yang boleh mengakibatkan kerugian harta benda dan kehilangan nyawa.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulki!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.